



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS AMANAT
YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA
PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI –
HARI TERBUKA INTEGRITI

13 NOVEMBER 2018 (SELASA)

DEWAN PERDANA NUR, KPWKM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera

SALUTASI

YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM

Ketua-ketua agensi

Pegawai – pegawai kanan Kementerian serta

Tuan – tuan dan Puan – puan yang dihormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bertemu pada hari ini sempena **Program Pengukuhan Integriti – Hari Terbuka Integriti**. Terima kasih jua di atas kehadiran tuan / puan ke program ini.
2. Sebagai ingatan bersama, integriti bermaksud suatu **kualiti dan ciri positif** yang wujud secara keseluruhan pada individu dan organisasi. Integriti dalam perkhidmatan awam tidak hanya terhadap kepada isu rasuah, serta pematuhan berkaitan sistem dan prosedur kerja, malahan ia juga meliputi **semua aspek budaya kerja** seperti

menjalankan tugas dengan penuh komited, penggunaan masa bekerja yang optimum serta hubungan kerja yang harmoni dalam organisasi.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM TERHADAP PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM BERDASARKAN TATAKELAKUAN PEGAWAI AWAM

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Laporan **Indeks Persepsi Rasuah** (*Corruption Perception Index* atau CPI) tahun 2017 yang dikeluarkan oleh *Transparency International Malaysia* pada 21 Februari 2018 menunjukkan Malaysia berada di tangga **ke-62 daripada 180** negara berbanding tangga **ke-55 daripada 176 negara** pada tahun 2016. Untuk makluman bersama, indeks ini memfokuskan elemen **rasuah dalam sektor awam** dan ahli politik dengan melihat kepada penyalahgunaan kemudahan awam untuk kepentingan atau keuntungan peribadi. Pada masa yang sama, Malaysia mencatatkan **skor 47** daripada 100 dalam laporan CPI tahun lalu, berbanding skor 49 pada tahun 2016. Kedua – dua kedudukan serta skor CPI ini menunjukkan **penurunan** berbanding tahun 2016.
4. Seajar dengan itu, Kerajaan telah meningkatkan usaha untuk memerangi gejala rasuah dan memastikan bahawa perkhidmatan awam dibarisi oleh penjawat awam yang berintegriti. Pada masa yang sama, sebagai jentera Kerajaan yang melaksanakan segala dasar dan keputusan Kerajaan, kita perlu **berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan**

mengutamakan kepentingan rakyat. Namun, isu atau aduan mengenai pelanggaran tatakelakuan serta teguran – teguran audit terutama yang sering berulang secara tidak langsung menjejaskan penyampaian perkhidmatan serta imej perkhidmatan awam, Kementerian serta agensi di bawahnya.

USAHA KERAJAAN MEMERANGI RASUAH SERTA MENGUKUHKAN INTEGRITI

5. Kerajaan amat memandang serius gejala rasuah dan usaha pengukuhan integriti di kalangan penjawat awam. Ini adalah seperti mana yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu untuk **'Menjadikan Malaysia Sebuah Negara yang Dikenali Kerana Integritinya, Bukan Kerana Rasuahnya'**.
6. Kesungguhan Kerajaan ini dimanifestasikan melalui penubuhan **Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)** pada 1 Jun 2018 **bagi menyelaraskan dan memantau semua aktiviti berkaitan governans, integriti dan anti-rasuah** di negara ini. GIACC juga bertanggungjawab dalam merancang, menggubal strategi dan menilai polisi dalam memastikan semua urusan kerajaan dilaksanakan berteraskan tadbir urus baik, integriti dan tiada toleransi kepada perbuatan rasuah.
7. Selain penubuhan GIACC, semua Kementerian juga merupakan ahli tetap **Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR)** dan **Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)**

Peringkat Kebangsaan. Kedua-dua mesyuarat ini bermesyuarat secara berkala bagi membincangkan isu - isu integriti. JAR juga akan dilaksana di peringkat Kementerian setelah Arahan YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaannya dimuktamadkan oleh GIACC.

USAHA KPWKM MEMERANGI RASUAH DAN MEMBUDAYAKAN INTEGRITI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Di peringkat KPWKM, semua warga Kementerian dan agensi perlu **sentiasa mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa** termasuk Pekeliling Perkhidmatan, Garis Panduan dan Prosedur Standard Operasi yang telah ditetapkan.
9. Kementerian juga telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya mengaktifkan semula ***Flying Squad*** yang terdiri daripada Unit Audit Dalam, Bahagian Kewangan, Bahagian Akaun serta Unit Integriti bagi menangani isu di lapangan, pewujudan **Pemantauan Silang** di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat, **peningkatan kompetensi melalui latihan** serta **pelaksanaan kerja secara *hands-on***.
10. Untuk makluman semua, dalam sesi perjumpaan antara saya dan GIACC pada 4 September 2018 yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah GIACC, Ketua Audit Negara serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, perbincangan bersetuju bahawa aspek yang perlu diberi penekanan di KPWKM adalah berkaitan **prevention**. **Aspek pencegahan**

merupakan satu bentuk **kawalan dalaman** dan perlu dilaksana oleh Ketua Jabatan sama ada dalam bentuk **pemantauan, naziran atau lain – lain kaedah yang bersesuaian**.

11. Keperluan pencegahan ini amat penting kerana **perolehan** serta **pengurusan dana atau bantuan** [yang merupakan antara tugas utama (*core business*) Kementerian] merupakan **bidang yang berisiko** untuk berlakunya rasuah serta penyelewengan. Pada masa yang sama, terdapat juga kes – kes tatatertib melibatkan warga Kementerian serta agensi yang perlu ditangani agar tidak lagi berlaku di masa akan datang.

12. Sehingga Oktober 2018, terdapat sebanyak **24 kes tatatertib telah selesai** diuruskan dan **13 kes atau 54.17 peratus** dikenakan hukuman '**Buang Kerja**'. Pecahan 24 kes adalah seperti berikut:
 - i. Kes '**Tidak Hadir Bertugas**' merupakan kes terbanyak iaitu **14 kes atau 58.33 peratus**;
 - ii. Kes '**Dadah**' sebanyak **3 kes atau 12.50 peratus**;
 - iii. Kes '**Mencuri**' sebanyak **2 kes atau 8.33 peratus**; dan
 - iv. Baki lima (5) kes adalah '**Pecah Amanah**', '**Penyelewengan Wang Bantuan**', '**Gagal Mematuhi Peraturan Kewangan**', '**Gagal Memantau Perolehan**', serta '**Pemalsuan Cop Rasmi dan Tandatangan Penyelia**'.

13. Sebagai usaha berterusan KPWKM untuk mengatasi isu integriti, sebanyak 15 program pengukuhan integriti telah diadakan pada tahun ini. Pada hari ini, program **Pengukuhan Integriti – Hari Terbuka Integriti** diadakan sebagai kemuncak kepada usaha

KPWKM tahun ini untuk membudayakan nilai-nilai integriti. Tema '**Integriti di Hati**' dipilih bagi meningkatkan lagi penghayatan dan pembudayaan integriti di kalangan warga Kementerian serta agensi.

14. Ia mendokong keperluan agar **integriti sewajibnya menjadi pegangan kukuh dan dikekalkan dalam hati** kita. Ia turut sinonim dengan rasa **kebertanggungjawaban kita kepada Tuhan**. Hal ini adalah sangat penting kerana apabila **integriti ada di hati**, kita akan **mempunyai kesedaran serta menjadikan integriti sebagai amalan seharian**.

PENUTUP

15. **Saya mengucapkan tahniah kepada Unit Integriti di atas penganjuran Hari Terbuka Integriti**. Harapan saya agar kita semua **terus berpegang kepada integriti** untuk memastikan **penyampaian perkhidmatan** kita kepada rakyat khususnya kumpulan sasaran adalah yang **terbaik**.
16. Jadikanlah frasa '**Saya yang menjalankan amanah**' yang telah kita mula gunakan mulai 20 September 2018 sebagai amalan dan budaya bekerja kita dalam erti kata sebenar-benarnya. Kita perlu **rela dan berusaha** melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan **penuh gigit dan ikhlas** bagi mencapai **objektif yang ditetapkan** dan mempunyai sifat **luhur dan murni, jujur** kepada diri sendiri, rakan dan organisasi.

17. Pada masa yang sama, dalam apa jua tindakan yang melibatkan kewangan serta perbelanjaan Kerajaan, prinsip “**value for money**” hendaklah sentiasa ditekankan, di samping **outcome** atau **impak positif** bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan. Setiap projek atau aktiviti hendaklah dirancang terlebih dahulu dan diuruskan secara efisien, di samping **berusaha untuk mengelakkan pembaziran, apatah lagi ketirisan serta penyelewengan.**

18. Kepada semua ketua di peringkat KPWKM dan agensi-agensi, **hayati dan berpeganglah kepada prinsip nilai-nilai murni sebagai ketua.** Seorang ketua merupakan penyelia dan tanggungjawab penyelia adalah **menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa – apa pelanggaran disiplin seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 3C, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.**

Sekian, terima kasih.

Kemaskini pada 12 November 2018